

19 JUL 1996

PERSIDANGAN MINYAK DAN GAS ASIA PADA 30 JULAI

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- "Pameran Minyak dan Gas Asia 1996" yang akan berlangsung di sini akhir bulan ini antara lain akan membincangkan masalah mengenai bekalan minyak yang terhad dan semakin merosot di rantau ini.

Pameran yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Julai ini, akan juga menilai aliran masa depan, isu-isu strategik dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri petroleum di rantau Asia Pasifik dan juga meneroka peluang-peluang baru di pasaran Asia Timur dalam kegiatan-kegiatan hulu dan hiliran.

"Ini memandangkan bahawa permintaan terhadap minyak kelihatan semakin meningkat daripada 17.5 juta tong sehari (BPD) dalam tahun 1995 kepada 20.8 juta BPD dalam tahun 2000 dan 26.3 juta BPD dalam tahun 2003," kata Mirzan Mahathir, pengerusi Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada satu persidangan berita bagi mengumumkan persidangan tiga hari anjuran ASLI itu. Ini merupakan persidangan yang pertama seumpamanya diadakan di Malaysia.

Katanya, Malaysia sedang memberi tumpuan kepada usaha memajukan industri gas tempatan bagi mempelbagaikan penggunaan sumber tenaga di samping menceburi pembuatan hiliran keluaran petrokimia.

Persidangan, yang akan dirasmikan penutupannya oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan menampilkan peserta-peserta dari 23 negara termasuk 10 orang menteri, serta timbalan setiausaha agung Pertubuhan Negara-Negara Pengeluar Petroleum (OPEC) Dr Ramzi Salman, dan bekas setiausaha agung OPEC Dr. Subroto.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar akan mempengerusikan satu sesi perbincangan beberapa orang menteri Asean mengenai "Industri minyak - Dasar dan Prospek Pelaburan."

Satu pameran akan diadakan sepanjang persidangan itu di mana 12 syarikat, termasuk Petronas, Shell Malaysia, Promet dan Miri Supply Base Sdn Bhd, akan memperagakan keluaran dan perkhidmatan masing-masing. --

BERNAMA

MR KY/sia